

BANK ISLAM TURUNKAN KADAR ASAS DAN KADAR PEMBIAYAAN ASAS BERKUAT KUASA 10 JULAI 2020

KUALA LUMPUR, Rabu, [8 Julai 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menyemak semula Kadar Asas ("BR") sebanyak **25** mata asas, iaitu daripada 2.77% kepada **2.52%**, sementara Kadar Pembiayaan Asas ("BFR") disemak semula daripada 5.72% kepada **5.47%**.

Pada masa yang sama, kadar deposit juga akan diselaraskan ke bawah sebanyak **25** mata asas. Semua perubahan kadar akan berkuat kuasa **10 Julai 2020**. Keputusan ini adalah sejajar dengan langkah penurunan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") sebanyak **25** mata asas oleh Bank Negara Malaysia iaitu daripada 2.00% kepada **1.75%**.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Semakan semula kadar tersebut adalah tepat pada masanya memandangkan tempoh moratorium akan berakhir. Kami menjangkakan langkah ini akan mengurangkan kesan pascamoratorium yang dialami sebahagian besar pelanggan kami, iaitu dengan meringankan komitmen bayaran ansuran bulanan mereka. Bank Islam sentiasa memberi penekanan dalam memastikan keperluan kewangan pelanggan diberi perhatian, terutamanya dalam mengharungi persekitaran semasa yang mencabar. Bank ini juga menyediakan khidmat rundingan berkenaan pengaturan pembayaran pembiayaan kepada pelanggan yang terjejas teruk oleh wabak COVID-19."

"Bank Islam komited untuk terus menawarkan pelbagai penyelesaian kewangan yang memenuhi kehendak dan jangkaan pelanggan. Bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik, Bank Islam akan terus mendukung prinsip kemampanan perniagaannya dengan memanfaatkan kemajuan teknologi dan inovasi," tambah Mohd Muazzam.

Semakan terakhir BR Bank Islam telah dilaksanakan pada 12 Mei 2020, iaitu daripada 3.27% kepada 2.77%, manakala BFR diturunkan daripada 6.22% kepada 5.72%.

Untuk mendapatkan khidmat rundingan, pelanggan dinasihatkan mengunjungi cawangan Bank Islam berhampiran atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam talian di 03 2690 0900

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com .	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---